

NO. SOALAN : 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHAIRUL AZWAN HARUN

TARIKH : 5 SEPTEMBER 2018 (RABU)

SOALAN : 33

Tuan Khairul Azwan Harun minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan akan mengurangkan tumpuan kepada pembangunan pengangkutan awam negara berikutan penghapusan SPAD serta hasrat Perdana Menteri untuk menghasilkan kereta nasional yang baru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan pengangkutan awam tetap menjadi salah satu fokus utama kerajaan kerana ianya dapat mempertingkatkan ekonomi dan produktiviti rakyat dengan mengurangkan kesesakan lalulintas khususnya di kawasan bandar dan juga menjanjikan perkhidmatan yang lebih berkemampuan kepada semua.

Walaupun beberapa projek mega yang telah dirancang sebelum ini telah dijadualkan semula / ditangguh / dibatalkan disebabkan kos yang tinggi serta tiada keperluan yang mendesak buat masa ini, kerajaan akan memberi fokus baru kepada penambahan perkhidmatan bas berhenti-henti bagi menjamin mobiliti rakyat yang bukan sahaja di sekitar Lembah Klang malah di seluruh Malaysia selaras dengan manifesto kerajaan untuk menambah baik kualiti serta liputan perkhidmatan pengangkutan awam. Di dalam konteks ini, pertambahan 10,000 buah bas akan dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh lima tahun.

Di samping itu, perkhidmatan rel sedia ada khususnya di Lembah Klang akan ditambah baik menerusi kerja-kerja menaiktaraf dan membaikpulih struktur landasan kereta api. Pelaksanaan projek ini telah bermula sejak November 2015 dan dijangka siap pada November 2019 menerusi Projek Menaiktaraf Kemudahan Infrastruktur Landasan Keretapi Berkembar Elektrik sepanjang 42KM daripada Rawang ke Salak Selatan dan Sentul ke Simpang Batu. Kelajuan operasi kereta api dan kekerapan akan dapat ditingkatkan menerusi kualiti landasan yang telah dibaikpulih sekaligus

dapat menggalakkan lebih ramai orang awam menggunakan perkhidmatan rel. Kemudahan stesen komuter juga akan dinaiktaraf bagi memberi keselesaan kepada penumpang di 16 buah stesen yang telah dikenalpasti.

Tambahan pula, penyiapan projek MRT2 yang dijadualkan beroperasi pada tahun 2021 dijangka dapat membantu mengurangkan lagi kesesakan lalu lintas di masa hadapan.

Projek-projek rel lain di dalam kajian termasuk Projek Menaiktaraf Kemudahan Infrastruktur Landasan Keretapi Berkembar Elektrik di Lembah Klang Fasa 2 di jajaran Salak Selatan ke Seremban dan Simpang Pelabuhan Klang ke Pelabuhan Klang (108KM), dan LRT3 di jajaran Bandar Utama ke Bandar Klang (37KM).